


## KANDUNGAN



Website :

<http://bayigenius.islamicparentingnetwork.net/>

Blog :

<http://darwishndarwisya.blogspot.com/>

	Prakata
5	Pengenalan
13	Senario Akhir Zaman
22	Hanya Ibubapa Terpilih
34	Menarik Hidayah Allah
39	Menarik Anugerah & Rahmat Allah
49	Hormon Oxytoxin dan Cortisol
57	Paradigma Semasa dan Kesannya Terhadap Kandungan
67	Pendidikan Janin Dalam Kandungan
78	Kalimah Yang Menggetarkan
85	Makanan
101	Gelombang Alpha dan Theta
115	Gangguan Iblis, Jin dan Syaitan
	Penutup

# **PRAKATA**

Sudah lebih tiga tahun saya berkongsi ilmu dan pengalaman dengan masyarakat Islam berkaitan menghafal al-Quran pada bayi menggunakan kaedah DarwishDarwisya. Selama jangkamasa itu, beribu peserta diseluruh negara menghadiri seminar yang saya namakan 'Seminar Asas Menghafal Al Quran Dari Bayi'. Syukur Alhamdulillah dari maklumbalas yang saya terima, perkongsian pengalaman dan ilmu ini mendapat kata baik dan sokongan dari para Alumni.

Perkara yang dibentang dan dihidangkan adalah dari pengalaman saya mendidik Darwisya dan Darwish menghafal al-Quran bermula dari bayi. Saya kongsi pengalaman berpandukan Islam dan ilmiah. Kaedah dan gaya yang wujud darinya saya pergunakan didalam membina minda dan kebolehan bakat mereka. Juga, saya selalu menyarankan mustahaknya penjagaan yang baik oleh ibu diperingkat hamil lagi untuk melahirkan bayi dan sejurusnya anak yang boleh dibentuk dididik menghafal al-Quran.

Soroton daripada saranan ini, banyak maklumbalas saya terima yang bertanyakan akan kaedah penjagaan khusus semasa kehamilan. Saya terpenggil dengan soalan ini dan Alhamdulillah dengan izinNya maka terbitlah buku ini yang menjawab persoalan tersebut.

Seperti yang kita sedia maklum, kebanyakan masyarakat Melayu kita kurang membaca, lebih-lebih lagi jika subjek yang dibaca agak berat dan teknikal. Keadaan ini lebih mencabar jika melibatkan rujukan dan analisis serta bereksperimentasi atau mengamalkan ilmu tersebut untuk melihat keberhasilannya.

Oleh itu, saya berusaha mengumpul dan menyediakan ilmu untuk pembaca semua agar memudahkan penghayatan bahawa diperingkat kehamilan lagi janin perlu dijaga mesra untuk melahirkan Bayi Genius.

Semua wanita mempunyai pilihan untuk melahirkan dan mewujudkan Bayi Genius. Yang diperlukan adalah ilmu pengetahuan dan gaya serta kaedah yang boleh diterima pakai.

Seperti kaedah DarwishDarwisya, asas yang saya tonjolkan adalah perkongsian pengalaman saya sendiri. Saya telah melaluinya dan mencapai hasil yang menggalakkan. Syukur Alhamdulillah, dengan berkat rahmatNya, Allah s.w.t. telah membuka hati dan minda saya juga tentang kaedah menjaga diri dan janin semasa didalam kandungan dengan baik. Dan saya terpenggil untuk berkongsi ilmu dan pengalaman yang dikurniakan ini didalam buku Bayi Genius Akhir Zaman dengan anda.

Saya gabungkan pengalaman yang saya ada berdasarkan Islam dengan penyelidikan ilmiah terutamanya dalam bidang sains embrio dan psikologi. Pengalaman ini juga merangkumi pemakanan dan tumbesaran otak. Ilmu penyelidikan Barat saya sulamkan bersama.

Buku ini bukan buku ilmiah. Buku ini bukan disusun untuk kertas kaji selidik bagi mendapatkan Phd. Buku ini adalah perkongsian pengalaman saya sendiri. Jika terdapat ada apa apa kekurangan, dan pandangan, saya sanjungi maklumbalas dan teguran yang boleh disalurkan terus kepada saya di [linakarim2@gmail.com](mailto:linakarim2@gmail.com). Yang kurang itu dari saya manusia biasa. Yang sempurna dan yang terbaik hanya dari Allah s.w.t.

Sama-sama kita memanjatkan doa memohon agar Allah s.w.t. membantu dan merestui usaha kita hambaNya bagi melahirkan Bayi Genius dan anak anak fasih dan cintakan al-Quran. Amiiin

Wassallam.

*Lina Karim*

# **PENGENALAN**

*A*lhamdulillah, syukur setinggi-tingginya kepada Allah s.w.t kerana akhirnya buku ini dapat disiapkan dengan izinNya. Terima kasih juga kepada suami saya yang sangat memahami diri dan niat saya untuk berkongsi dengan orang lain akan pengalaman dan pengetahuan saya dalam bidang ini. Beliau sentiasa memberi dorongan, sokongan dan semangat serta pendapat hingga buku ini dapat dihasilkan. Terima kasih kerana mengizinkan isterimu bercerita sedikit dari kisah rumahtangga kita kepada orang lain sebagai pengajaran dan perkongsian yang diharapkan dapat memberi manfaat kepada mereka. Terima kasih juga kepada anak-anak saya yang 'dipaksa' untuk memahami mamanya yang asyik melekat di hadapan komputer untuk menaip. Maafkan mama kerana mencuri sedikit masa daripada kalian untuk menyiapkan buku ini. Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi kerana akhirnya buku ini dapat saya siapkan juga. Buku ini bukanlah buku yang sempurna. Tentulah ada kekurangannya. Walau bagaimanapun saya ingin memaklumkan bahawa saya telah mencuba sedaya upaya untuk mencurahkan pengalaman saya dan pengetahuan yang ada pada saya untuk dikongsikan pada anda sekalian. Kekurangan itu adalah dari saya dan segala kebaikan dan kesempurnaan itu adalah datang dari Allah. Selamat Membaca!

### **KISAH SAYA**

Bukan mudah untuk saya mendapatkan 2 cahaya mata yang ada ini. Saya menunggu selama 7 tahun untuk mendapatkannya. Sebagai anak yang sulung dalam keluarga, tentu sahaja perasaan

itu meluap-luap setiap kali adik-beradik dan sahabat yang lain yang sudah berkahwin menambah cahaya mata dalam keluarga mereka.

Dahulu saya fikir perasaan itulah yang menyebabkan saya berselisih pendapat dengan suami dalam banyak perkara. Yang menjadi lebih teruk bila perselisihan ini melibatkan keluarga pula. Hampir sahaja rasanya perkahwinan saya diambang kemusnahan. Rupa rupa Allah ingin mengajar saya satu ilmuNya dengan pengalaman tersebut. Seorang ustaz, kawan baik kepada suami saya memaklumkan kepada kami bahawa saya telah disihir oleh seorang lelaki untuk kami bercerai. Saya tidak percaya pada mulanya bila diberitahu suami.



Saya bukanlah jenis yang mempercayai secara terus akan perkara ini pada waktu itu. Mungkin kerana pendidikan saya yang dari sekolah hinggalah ke peringkat Universiti pengkhususan dalam bidang sains yang lebih melihat kepada bukti fizikal yang boleh dilihat dengan mata menyebabkan saya sukar untuk memahaminya ia berlaku pada diri saya. Lebih lagi saya mempunyai sindrom 'la hanya berlaku pada orang lain dan tidak akan berlaku pada diri saya' menyukarkan lagi untuk saya mempercayainya berlaku pada diri saya. Sebagai menjaga hati suami saya mengikutnya untuk berjumpa ustaz dari Pusat Perubatan Islam yang agak terkenal di Malaysia ini. Di dalam sesi tersebut, saya melihat ustaz tersebut 'berbual' dengan jin dan bertanya soalan kenapa dan mengapa mereka mendekati dan 'mengawal' diri saya. Apa tujuannya dan atas arahan siapa? Semuanya terjawab dan terjadilah 'pergaduhan' dan 'pembunuhan' jin dan manusia dengan menggunakan ayatul kursi diikuti dengan ayat-ayat lain. Ia memang diluar kemampuan akal untuk difikirkan. Tetapi itulah pengalaman saya. Ustaz tersebut mengingatkan saya bahawa walaupun ketika itu ianya dirasakan selesai, beringatlah kerana sihir yang baru boleh didatangkan semula. Maka, kuatkanlah amalan diri saya sendiri. Memang benar kejadian itu berulang lagi. Bayangkan berapa kalilah mahu kita berulang untuk berubat jika diri sendiri tidak kuat? Orang yang menyihir tidak pernah penat kerana mungkin kemahuan yang kuat.

Kejadian itu menyedarkan diri saya betapa saya sangat alpa. Saya sebenarnya orang yang jahil. Orang yang lalai. Orang yang leka

dan rugi. Kurang sekali saya mengingati Dia. Kurang sekali saya mengingat hidup ini bukan hanya disini. Saya dengan dunia saya dengan pandangan yang sangat dangkal. Saya adalah seorang yang lupa musuh-musuh keturunan manusia. Musuh yang tidak boleh dilawan dengan hanya kekuatan akal tetapi perlu dengan kekuatan hati yang penuh iman pada Allah. Dari situlah bermula titik tolak saya menghampiriNya. Saya tidak lagi menginginkan apa yang saya inginkan sebelum ini. Saya sudah redha dengan ketentuan Allah jika Dia menentukan saya tidak punya zuriat yang datang dari rahim saya ini.

Sudah sebulan berlalu dari masa saya menemui ustaz yang menolong menyelesaikan masalah sihir dengan izin Allah yang dibawa oleh jin. Sudah sebulan juga saya seolah melalui hidup di 'dunia baru' saya yang lebih tenang. Sesuatu yang tidak biasa saya rasakan berlaku pada diri saya. Saya menemui doktor dan mengesahkan saya hamil!

Suatu keajaiban! Allah menghadiahkan saya zuriat setelah 30 hari saya menyerahkan diri saya kepadaNya. Ini adalah bayi yang saya tunggu dengan segala usaha yang melelahkan sebelum ini. Katalah apa sahaja yang membolehkan kami mendapat zuriat, segalanya kami cuba. Namun Allah tidak mengizinkan sehinggalah saya menyerahkan diri saya padaNya.

Bagi saya, ia adalah takdir yang seterusnya menentukan perjalanan anak saya ke tahap ini. Permulaan yang penuh kesedaran kepadaNya menyebabkan saya sangat berhati-hati semasa dalam tempoh kehamilan itu. Rasa syukur yang tinggi

menyebabkan saya mahu melakukan apa sahaja untukNya. Saya sedar bahawa apa sahaja boleh berlaku pada kandungan dan tidak semestinya semua kehamilan itu akan berakhir dengan kelahiran seorang bayi yang dinantikan itu. Maka pergantungan yang kuat dan tinggi terhadap Allah yang tidak pernah saya lakukan dalam hidup, saya lakukan dengan taksud ketika itu.

Jika diperhatikan, tidak semua ibu hamil mempunyai emosi yang sama dalam mengharungi kehamilan. Ada yang merungut dengan kehamilan yang menambah satu lagi mulut untuk disuap dalam keluarga, ada yang 'biasalah adat orang berkahwin' mestilah mengandung dan dapat anak, ada yang kehamilan itu satu yang sangat dinantikan dan sebagainya. Keadaan ini memberi impak pada perasaan bayi. Samaada mereka ini dimahukan, tidak diperlukan, kedatangan mereka itu menyusahkan atau menggembirakan semuanya akan memberi kesan kepada bayi. Fikiran yang tercetus dalam minda kita akan mengeluarkan cetusan elektrik antara neuron dan signal ini akan sampai pada bayi dalam kandungan pada kadar yang sangat cepat.

Berbalik kepada diri saya, setelah kawan saya mengetahui saya mengandung, mereka menghadiahkan sebuah set CD lagu Mozart untuk diperdengarkan kepada anak saya. Saya berada dalam lingkungan kawan yang agak modern dan mereka tidak tahu akan perubahan kerohanian yang berlaku pada diri saya. Saya masih kelihatan seperti biasa pada mereka. Lagu Mozart tersebut tidak pernah sekali pun saya buka setakat saya menulis ini. Ia masih tersimpan dengan baik. Telinga saya sudah tidak boleh menerima

lagu. Saya lebih suka mendengar al Quran ketika kemana-mana memandu kereta. Selalu juga saya menangis ketika mendengar alunan al Quran dan saya tidak tahu sebabnya. Maka saya ingat ayat apa yang saya tangiskan itu, bila saya sampai dirumah saya akan mencari terjemahannya. Saya tidak tahu kenapa saya menangis mendengar kerana tidak faham apa yang dibacakan tetapi bila balik saya merujuk semula ianya adalah tempat yang layak untuk ditangisi. Janganlah kita memandang rendah melihat orang menghafal al Quran tanpa tahu maksudnya kerana dengan kehendak Allah tanpa tahu itu juga boleh menyentuh hati untuk mengeluarkan air mata.

Satu sifat saya adalah saya lebih suka duduk berseorangan dari keluar bersama kawan. Ya, sebenarnya, saya lebih suka bersendirian dan tidak gemar berkawan samada dialam nyata atau dialam maya (internet). Walaupun zaman saya, emel dan facebook telah pun wujud, saya memilih untuk menyendiri dengan erti kata yang sebenar. Lebih suka duduk dirumah dari bersidai di tepi tepi pagar atau di tembok rumah mahupun bertandang ke rumah jiran. Ia bukanlah satu perkara yang saya gemari kecuali ada urusan yang penting dan mustahak. Saya mempunyai kawan yang boleh dikatakan setiap minggu ada 'womens day out' dimana mereka berkumpul dan berbual santai bersama-sama, samada dirumah atau di café. Mereka tidaklah melakukan apa-apa yang salah, namun dibelakang minda saya, ianya adalah suatu yang membuang masa. Benar, ia boleh menjalinkan ukhawah sesama wanita Muslim yang lain. Namun ia akan mengundang pelbagai masalah lain. Jika berjumpa dirumah masing-masing akan menjadi



fitrah mata wanita yang mahu melihat perhiasan dan cara hias menyebabkan kita tidak senang duduk selagi tidak boleh melihat seluruh rumah. Jika hiasan mereka lebih baik daripada kita, kita akan terpesona dan teringin untuk memiliki yang serupa. Jika perhiasan mereka kurang baik pula, akan timbul rasa bangga dalam diri kita. Ia akan menimbulkan rasa membanding dan berbanding dengan diri kita sendiri. Lihat sahaja ditempat kerja sewaktu kita keluar makan tengahari bersama kawan-kawan, waktu itulah cerita rumahtangga akan keluar untuk mereka yang sudah berkahwin. Si A akan berkata, suaminya orang yang sangat mudah dan tak cerewet; pergi ke pejabat dengan baju yang digosok sendiri, makan apa yang ada dan kadang-kadang suaminya yang memasak sendiri. Yang B pula komplek menggosok bertimbun-timbun setiap cuti hujung minggu. Suami dia tidak mahu makan diluar dan hanya mahu makan masakan tangannya menyebabkan dia memuji suami si A. Berjumpa dengan kawan-kawan diluar waktu pejabat bukan seperti berjumpa di bilik mesyuarat dimana kita tahu minit dan objektif yang perlu dibincangkan sepanjang mesyuarat. Kita akan diingatkan jika apa yang dibincangkan lari dari fokus dimana ianya jarang berlaku jika kita sudah biasa dengan dunia korporat. Diluar, wanita akan berjumpa tanpa ada apa-apa agenda untuk dibincangkan sebelum berjumpa. Terserah pada arah angin untuk membawa perbincangan ke mana pada hari tersebut. Ia mungkin boleh membawa kepada mengumpat atau fitnah yang diluar kawalan kita. Jika kita cuba bagaimanapun untuk menjaga diri

daripada mengumpat, akhirnya kita akan terjebak juga dalam fitnah dan umpatan sebagai pendengar kepadanya.



Maka sebab itu saya sering mengelak jika diajak hingga akhirnya saya digugurkan dari senarai 'kumpulan' mereka.

Hidup saya yang biasa berseorang jika tiada suami disisi, menyebabkan rasa keseorangan itu lebih manis setelah mengenal Allah dengan erti kata sebenar.

Saya bukanlah orang yang beruntung yang mempunyai latar belakang keluarga yang kuat agama. Tiada seorang pun hafiz atau hafizah dalam lingkungan saudara mara saya setakat ini. Suami pula seorang yang berketurunan Cina. Ibunya seorang mualaf berketurunan Cina. Nenek saya seorang buta huruf tidak tahu membaca apa-apa tulisan termasuk al Quran. Kami bukanlah pasangan yang ideal untuk melahirkan hafiz atau hafizah mengikut kacamata manusia. Genetik kami tiada yang tersangkut kearah itu.

Saya telah membaca buku '10 bintang' sebuah buku dari Indonesia yang menceritakan tentang pasangan suami isteri yang berjaya mendidik 10 orang anak mereka menjadi hafiz/hafizah. MasyaAllah, memang sangat sesuai penceritaan takdir mereka seperti itu kerana mereka sendiri datang dari keluarga yang kuat perjuangan dan pegangan agamanya. Begitulah ceritanya bagi mereka yang digelar ilmuan hebat dizaman kegemilangan Islam dahulu. Mereka datang dari keluarga yang kuat agamanya. Jauh sekali jika dibandingkan diri saya yang baru sahaja belajar untuk menghampirNya.



Namun saya berpegang kuat bahawa... 'Jangan berpandangan dangkal atau pendek'. Pandanglah sejauh yang mampu. Kita adalah berketurunan nabi-nabi. Kita adalah keturunan orang-orang yang soleh. Semua kita adalah dari bapa dan ibu yang sama.

Adam dan Hawa. Genetik mereka berdua ada dalam diri kita. Maka jangan beralih dengan keturunan dan genetik'.

Saya masih ingat pada hari raya tahun 2011 ketika perjumpaan dengan saudara mara saya di Kuala Lumpur, salah seorang dari saudara kami, memang kami kenali sangat berminat mengkaji tentang keturunan keluarga besar kami ini. Dia telah merantau hingga ke tanah seberang mencari susur galur kami yang ramai. Akhirnya pada tahun itu kami diberitahu bahawa keturunan ke 7 sebelum kami adalah seorang wali yang agak dikenali di Indonesia. Dia selalu datang berdakwah di Tanah Melayu dan bila tiba di Kuala Selangor dengan kapalnya, dia akan disambut oleh orang disitu dengan majlis besar besaran. Kemudian dia menyebarkan ilmunya setiap hari dan setiap malam pada orang kampung. Begitulah ceritanya. Tetapi bagaimana pula nenek saya yang lebih dekat dengan keturunan ke 7 buta huruf?; tidak boleh membaca al Quran, jika benar dia juga berketurunan sama? Jawapannya, berbalik kepada ibunya yang tidak mengajarnya. Bapanya memang berilmu tinggi, tetapi ibunya pula adalah tidak. Maka, nenek saya, iaitu anaknya tidaklah mempunyai keistimewaan menjadi orang yang bijak dan berilmu seperti bapanya hingga dia seorang yang buta huruf sehingga ke akhir hayatnya. Ini menunjukkan ilmu itu bukanlah boleh diperturunkan 'hanya' disebabkan dengan keistimewaan darjat kewalian; tetapi, ilmu itu akan turun dengan usaha kita sebagai ibubapa untuk menurunkannya kepada anak kita. Saya ingatkan lagi sekali, bahawa setakat ini, tiada saudara mara saya samada dekat atau jauh yang bergelar hafiz atau hafizah. Alasan ini tidak sekali-kali

menghalang saya untuk memulakannya dengan zuriat dari rahim saya ini. InsyaAllah saya akan pastikan anak cucu keturunan saya antara mereka yang dipilih oleh Allah untuk menjadi ahliNya selagi diri ini bernafas. Itulah jihad yang mampu saya lakukan untuk membuktikan cinta saya kepadaNya. Saya pasti anda yang membaca ini juga adalah dari keturunan yang pernah dikagumi kealimannya kelurga terdahulu. Cumanya anda tidak tahu tentangnya kerana tiada siapa mengkajinya. Paling jauh keturunan yang ke 7 sebelum anda. Sejahtah mana kita, ada roh kenabian yang tersembunyi didalam diri yang pernah dimiliki pada keturunan sebelumnya. Semoga para alim ulama keturunan kita yang terdahulu yang pergi menghadap Ilahi sebelum kita akan tersenyum melihat keturunan mereka yang semakin menyimpang ini, kembali ke pangkal jalan dengan usaha kita yang sedikit ini.

Ada yang lebih memeranjatkan lagi bila berbincang tentang keturunan. Percayakah kita, jika saya kongsi kita juga berketurunan bersusur galurkan dari Nabi Ibrahim a.s? Nabi Ibrahim yang berumur sangat panjang dan sangat jauh berjalan berdakwah, telah sampai ke negeri Champa dan berkahwin dengan seorang wanita Champa yang bernama Qanturah. Kisah Qanturah ini dicatat dalam kitab asli Injil. Mereka dikurniakan beberapa orang anak dan akhirnya menjadi keturunan yang bertebaran di Timur peta dunia sekarang ini. Isteri Nabi Ibrahim, Hajar dan Sarah masing-masing melahirkan seorang Nabi. Kehebatan keturunan Qanturah pula mungkin ditakdirkan untuk bersama umat Nabi Muhammad yang akan bersama sebagai

bangsa Timur yang diberitakan oleh Rasulullah s.a.w. Wallahualam.

Cerita ini mungkin akan mengundang banyak kontroversinya. Saya percaya ada yang ingin membidas saya akan tentangnya. Kesimpulan yang ingin saya sampaikan adalah... apa yang akan terjadi pada masa hadapan tidaklah dalam genggamannya kita tetapi apa yang terjadi pada masa lalu adalah pasti. Percayalah bahawa setiap kita mempunyai potensi menjadi orang soleh/solehah. Kita boleh melahirkan anak yang soleh/solehah. Kita boleh mewujudkan keluarga yang alim dan tinggi ilmu mentaati Allah. Saya percaya akan genetik ini ada pada setiap diri kita. Cuma ia terpendam tanpa sesiapa yang mencari gali didalam diri mereka. Ibarat satu cerita seekor helang yang mengeram telurnya di atas tanah tinggi dan pada suatu hari terjadi gegaran gempa bumi menyebabkan ianya bergolek ke lembah dan dijumpai oleh seekor ibu ayam. Ibu ayam itu berfikir telur itu mungkin kepunyaannya yang terkeluar dari tempat eraman kerana gegaran tadi. Maka dia berusaha untuk meletakkan balik telur burung helang itu bersama telur ayamnya yang lain dan mengeramkannya hingga satu tempoh penetasan. Bila tiba masa menetas, keluarlah anak helang ini bersama anak ayam yang lain. Mereka membesar bersama dan setiap kali anak ayam dan anak helang ini melihat burung berterbangan di awan biru, mereka selalu berkata kepada sesama mereka, 'betapa seronoknya dan betapa bebasnya jika kita dapat terbang tinggi seperti itu!' Begitulah mereka sehinggalah semuanya menjadi dewasa. Ya, helang tersebut membesar dengan kekaguman pada spesiesnya sendiri yang terbang bebas

diangkasa, dan dia dibumi cuma mengangkakan sahaja tanpa sedikit pun berusaha untuk mencubanya. Paradigma dan 'mental block' mengabusi potensi sebenar.

Kita tak mahu jadi helang yang berfikiran ayam. Kita adalah manusia terpilih. Berusahalah untuk terbang seperti helang yang genetiknya difitrahkan Allah untuk melayari bayu tinggi bebas diangkasa. Lakukan peralihan paradigam.

### **Mengapa tajuk saya Bayi Genius Akhir Zaman?**

Perkataan genius bermaksud sangat pintar atau kepintaran yang luar biasa. Luar biasa? Apa yang luar biasanya pada anak-anak saya hingga saya layak untuk menulis buku ini dengan tajuk ini? Sebenarnya itu adalah anggapan orang luar terhadap anak saya. Mereka melihat anak saya genius apabila anak saya boleh mengenal huruf pada umur 1 tahun, membaca dan menghafal Al Quran pada umur 3 tahun sehingga mendapat sijil hafazan 30 surah pada umur 3 tahun itu juga. Dilanjutkan dengan hafazan surah panjang pada umur 4 tahun dan seterusnya setakat buku ini ditulis, Darwisya berumur 6 tahun telah menghafal lebih 6 Juzuk Al Quran dan Darwish yang berumur 5 tahun telah menghafal lebih 3 Juzuk Al Quran setakat ini



Mereka juga boleh bertutur dan membaca dengan lancar dalam 2 bahasa pada umur 5-6 tahun iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Penguasaan bahasa ketiga iaitu Bahasa Arab adalah sederhana dan masih sedang belajar bahasa tersebut dari seorang guru Timur Tengah. Dalam bidang matematik pula, anak sulung saya pernah memenangi Top 40 Award dari 2000 peserta didalam pertandingan International Mental Arithmetic Competition pada umur 6 tahun yang diadakan pada tahun 2012 yang lepas. Darwisya mempelajarinya cuma 3 bulan sahaja mengalahkan mereka yang telah bertahun tahun mempelajarinya.




Adakah anak saya dikira genius atas sebab-sebab ini? Mungkin bagi orang luar anak saya dikira genius kerana sebab-sebab yang saya sebutkan diatas ini; tetapi, bagi saya genius adalah lebih dari itu. Ia adalah apabila seseorang itu diberi hikmah oleh Allah yang Maha Bijaksana dalam hidupnya. Genius seperti Luqmanul Hakim dan anaknya.

Contohnya, saya mengatakan anak saya genius apabila saya memujuk Darwish untuk berhenti bersolat kerana kasihan melihat dia menangis keletihan berdiri terlalu lama semasa solat Tarawih yang panjang dan melenguhkan pada satu bulan Ramadhan. Ketika itu umurnya baru menginjak 4 tahun. Bagi saya solat wajib pun tidak diwajibkan lagi untuknya, apa lagi solat sunat. Namun dia berkeras untuk menghabiskannya. Inilah genius bagi saya. Sesuatu yang tidak saya ajarkan padanya. Malah saya pula yang mahu membantutkannya. Namun dia membuat pilihannya itu

atas hikmah yang Allah berikan padanya. Itulah genius pada saya. Luarbiasa! Dia akan ke surau setiap hari dalam Ramadhan tanpa pernah meninggalkan sehari pun kecuali ada beberapa hari kerana sakit.

Darwisya pula saya katakan Genius kerana ketika umurnya hampir 4 tahun di sekolah tadika, guru tadikanya menyuruh semua kanak-kanak dikelas membuat bulatan dan memegang tangan rakan, dia tak mahu dan menangis. Gurunya musykil dan bertanya. Darwisya menjawab 'I don't want to hold boy's hand, haram'. Sebelum itu tidak pernah saya memberi ceramah tentang bersentuhan dengan bukan mahram pada anak saya yang baru berumur 4 tahun adalah haram. Ia adalah satu yang tidak saya ajarkan dan dia menangis kerana Allah telah memberinya hikmah untuk melakukan perkara yang betul dari umur yang muda. Maka itu bagi saya adalah genius!



Banyak yang berlaku dan tidak terhitung nikmat Allah keatas anak-anak saya. Saya percaya itu adalah 'hadiah' dari Allah yang saya raih pada umur mereka yang sangat muda kerana benar-benar menjaga diri ketika hamil. Disinilah saya ingin berkongsi pengalaman saya melalui tempoh kehamilan, amalan saya dan juga ilmu yang saya timba dari pembacaan dan pencarian yang menyebabkan saya mengamalkannya untuk diri saya sendiri. Ia bukanlah sesuatu yang tetap, tetapi ia adalah rangka untuk kita berfikir apa pengisian yang perlu untuk merangsang janin dan apa tindakan dan pemikiran kita yang akan memberi kesan kepada janin. Setiap apa ibu hamil rasai, alami dan lalui dalam tempoh kehamilan itu, akan memberi kesan kepada paras Adrenalin, Encephalins dan Endorphins yang pada penghujungnya akan


memberi kesan kepada otak janin yang sedang dalam pembinaan. Ianya akan memberi kesan kepada synapse pada otak bayi. Kehamilan dan apa yang berlaku didalam tubuh kita dengan bayi yang membesar adalah seperti sebuah misteri yang masih tidak dapat disingkap oleh manusia. Penjagaan semasa hamil benar benar akan mempengaruhi pentumbuhan otak bayi.

Genius bagi saya adalah mereka yang terdorong untuk melakukan kebaikan dengan sendirinya tanpa perlu di beritahu atau dileter. Atau lebih tepat dikatakan ... mendapat hikmah dan keberkatan Allah.

Ya, semua bayi mempunyai kepintaran luar biasa jika siibu tahu bahawa mereka sebenarnya memegang anugerah yang menunggu masa untuk dikeluarkan dari diri anak mereka. Tetapi untuk melahirkan BAYI GENIUS , para ibu amat perlu menitikberatkan penjagaan teliti dan rapi penuh insaf dan tawadhuk sepanjang jangka kehamilan terhadap Pencipta ia itu Allah swt. Amiiin.

**BONUS DENGAN PEMBELIAN EBOOK BAYI  
GENIUS AKHIR ZAMAN**

Buku yang membincangkan keperluan nutrisi tanpa mengambil pil vitamin yang membahayakan janin. Ia juga membincangkan perkara yang perlu di jauhi ketika hamil kerana membawa risiko kepada janin.



**Isi Kandungan**

Pengenalan	3
Dari A ke Z (Vit A – Zink)	5
Pengambilan kalori Semasa Mengandung	12
Pengambilan kalori Ketika Menyusu	13
Kalori Sihat Vs. Kalori yang tidak sihat	14
Senarai Keperluan Vitamin dan Sumber mereka	17
Berapa Banyak adalah Terlalu Banyak?	19
Bagaimana jika Anda tidak Boleh Makan Seperi Biasa?	21
Alahan Makanan dan Intoleransi Ketika Hamil	22
Senarai yang Perlu Dijauhi Ketika Hamil	24
Kesimpulan	29



## PENGENALAN

Masa berlalu terlalu cepat. Tahukah anda, dari saat kita mengetahui kita hamil sehingga tiba saat bayi akan dilahirkan, terasa sangat pendek waktunya?

Mereka juga membesar dengan cepat. Dari bayi yang lemah ketika dilahirkan, tidak lama kemudian mereka sudah pandai berjalan, melompat dan seterusnya tiba masa kita menghantarnya ke sekolah rendah pula.

Pemakanan ketika hamil dengan faktor nutrisi yang betul adalah penting dalam perkembangan janin yang baik kerana janin dari segi fizikal tidak berupaya untuk menyediakan makanan untuk dirinya sendiri. Mereka tidak boleh menunjukkan apa-apa tanda di antara zat makanan yang cukup ataupun kurang semasa pemeriksaan scanning bulanan kita bersama doktor.

Ini bermakna bahawa bagi tempoh sembilan bulan akan datang, terpulang kepada kita sepenuhnya untuk memastikan bahawa kita membekalkan nutrisi yang cukup untuk dua orang, mendapatkan vitamin dan nutrien yang akan membantu melahirkan bayi yang sihat, bayi yang gembira sambil menjaga diri sendiri pada masa yang sama.

Ketika mereka berada didalam rahim kita, terasa mudah untuk menjaga mereka dari anasir luar. Terasa mereka hanya menerima apa yang kita beri. Makanan yang terbaik, minuman terbaik dan segala yang terbaik, mereka terima sahaja. Kita menjaganya dengan penuh perhatian. Tetapi jika mereka sudah keluar dari rahim kita, setelah dilahirkan, kita tidak dapat melakukan apa-apa lagi selain memberitahu itu dan ini kepada mereka. Contohnya, kita perlu meyakinkan mereka bahawa sayur itu baik untuk mereka dan pelbagai cerita lagi untuk membuatkan mereka makan apa yang kita mahu mereka makan.

Ingat, jika kita tidak menjaga nutrisi yang diperlukan oleh tubuh kita dan bayi, bayi kita akan mengambil apa yang diperlukan dari badan kita dahulu. Dia tidak boleh memaklumkan bekalan apa yang kurang ditubuh kita dan menunggu kita membekalkannya. Bermakna, jika anda tidak makan dengan betul anda bukan sahaja merosakkan bayi anda, anda merosakkan diri anda juga. Itulah sebabnya ia begitu penting untuk anda memastikan anda mendapat vitamin dan nutrien yang anda perlukan bagi tempoh sembilan bulan akan datang.

Kurangnya pengetahuan seorang ibu dalam hal ini, masih memungkinkan lahirnya bayi. Mereka InsyaAllah sihat. Ibu-ibu akan kekurangan setelah bayi mengambil apa yang mereka perlu menyebabkan ibu semakin lemah dan sakit-sakit setiap kali melahirkan bayi. Proses melahirkan sudah cukup melemahkan

tubuh. Apa lagi jika tubuh kekurangan nutrisi-nutrisi. Paling kritikal, ibu-ibu perlu tahu tentang apa yang penting - yang tidak boleh kurang dan juga tidak boleh lebih. Jika ia berlaku akan menyebabkan **kecacatan** bayi samada mental atau fizikalnya.

Contohnya, Vitamin A membantu perkembangan tulang dan gigi bayi, dan juga hati, telinga, mata dan sistem imun (sistem badan yang melawan jangkitan). Kekurangan vitamin A telah dikaitkan dengan masalah penglihatan. Mendapat cukup Vitamin A semasa mengandung juga akan membantu badan anda membaiki kerosakan yang disebabkan oleh bersalin. Jika terlebih dos Vitamin A boleh menyebabkan kecacatan kelahiran dan ketoksikan hati. Bagi mereka yang 'Supplement Junkie' yang suka mengambil pil vitamin untuk menjaga kesihatan sebelum hamil, eloklah memberhentikan pengambilan pil tersebut dan hanya pastikan ada karot atau tomato dalam makanan anda.

Buku ini memberitahu apa akibat daripada pengambilan yang berlebihan dan mengajak kita kembali dengan cara alami. Iaitu menjaga nutrient dan kesejahteraan tubuh kita dan bayi melalui penjagaan makanan dari sumber makanan yang Allah jadikan. Tidak perlu bergantung dengan pil buatan manusia. Imam Syafie pernah mengungkapkan bahawa banyak penyakit datangnya dari perut. Bermakna ianya datang dari apa yang kita makan. Berkorbanlah untuk 9 bulan kerana ia akan menentukan kesejahteraan tubuh dan anak kita berpuluh bertahun lamanya.

Ramai wanita tidak faham keperluan nutrisi untuk 2 orang ini. Adalah 2 perkara yang berbeza antara memakan makanan untuk 2 orang dengan mencukupkan nutrisi untuk 2 orang. Ia bukan bermaksud anda perlu makan 2 pinggan nasi atau 2 mangkuk bubur.

Kebanyakan ibu-ibu bukan doktor. Maka pembacaan dan pencarian ilmu adalah sangat penting. Banyak buku-buku yang ditulis oleh pakar tentang perkara ini diluar sana. Tetapi tidak ramai yang berminat. Mungkin kerana mereka melihat ibu-ibu mereka melahirkan anak tanpa kisah akan menjaga apa-apa pun menyebabkan mereka ambil mudah tentang kehamilan mereka sendiri. Ia adalah apa yang semua orang lalui dengan jayanya walaupun mereka tidak bersekolah dan tidak membaca.

Juga, didalam buku ini, ditulis tentang senarai yang perlu dijauhi oleh orang yang hamil. Ini adalah senarai yang ketika sebelum hamil kita boleh melakukannya tetapi bila hamil, kita perlu menjauhinya kerana masalah yang terkait sensitive untuk bayi didalam janin.

Buku ini ditulis untuk memudahkan anda memahami tentang nutrisi. Sebolehnya ia akan dibawa tanpa penerangan yang begitu teknikal seperti seorang doktor menerangkannya kepada seorang doktor yang lain. Anda akan menemui pecahan teliti nutrien yang anda perlukan untuk memastikan keperluan bayi dipenuhi apabila tiba masanya menurut garis panduan asas trimester demi trimester.

lanya bukannya laporan perubatan. Ini bermakna anda tidak perlu keluar dan membeli sebuah kamus perubatan untuk memahami apa yang anda baca!

Ikhlas,

Lina Karim

## Pakej Ebook Melahirkan Bayi Genius Akhir Zaman Mengandungi



Pakej Berharga RM50.00 ini mengandungi

1. Ebook Bayi Genius Akhir Zaman
2. Ebook Nutrisi Ketika Hamil
3. VOUCHER Seminar bernilai RM30.

Boleh didapati di <http://bayigenius.islamicparentingnetwork.net/>

**TERIMA KASIH**